

# Merealisasikan tahun memperkasa wanita

BERITA HARIAN MHS 11

29/01/2018

Tahun 2018, diisytiharkan Tahun Memperkasa Wanita. Ramai menyambut baik pengisytiharan ini dan program yang dijalankan sepanjang tahun. Tetapi ada juga bertanya adakah inisiatif yang dijalankan untuk memperkasa wanita ini hanya pada 2018? Bagaimana tahun akan datang? Adakah wanita akan terus diperkasa?

Apakah kelebihanannya sepanjang 2018, dikhususkan untuk memperkasa wanita dalam lima kluster khas iaitu ekonomi, pendidikan, keselamatan, kesihatan dan kebudayaan teknologi?

Pada akhir 2017, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga mengambil langkah awal bagi merealisasikan Tahun Memperkasa Wanita 2018, melalui pelancaran Program Pemerkasaan Wanita dengan slogan '2GetHer Empowered.'

Objektifnya untuk mengenal pasti potensi wanita melalui interaksi di dalam industri dan impact program lain bagi mengenal pasti kebolehan wanita menggunakan teknologi berinovasi secara kolaboratif. Ia turut memastikan

## Komentar



**Prof Dr Norizan Abdul Razak**

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim

setiap wanita dapat memahami dan mengaplikasikan teknologi pintar yang semakin berkembang serta memperkasa mereka dari segi ekonomi digital. Fokus juga untuk industri mengenalpasti bakat wanita yang akan menjadi pemimpin masa depan melalui latihan dan pendidikan sepanjang hayat.

Sebenarnya, fokus membantu wanita lebih giat dalam bidang ekonomi sudah lama bermula. Jika dilihat dari segi sejarah dari zaman Nabi Muhammad SAW, isteri Rasulullah, Sa'datina Khadijah juga seorang tokoh usahawan wanita berjaya.

Wanita Kelantan sudah menjadi

usahawan dan bergiat aktif untuk meningkatkan ekonomi keluarga sejak zaman berzaman. Ramai wanita berniaga secara tidak formal. Lima dekad dahulu kita dapati, wanita berniaga dari rumah ke rumah membawa pelbagai produk yang boleh dibeli secara ansuran. Kini, pada zaman milenium dan dengan cabaran Revolusi Industri 4.0 penggunaan teknologi semakin hebat.

### Pelbagai program diperkenal

Wanita kini berniaga dalam talian dan inisiatif e-usahawan, e-rezeki dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Netpreneur dari SME Corp. 2018 adalah tahun memastikan usaha ini diteruskan dan dipergiat dengan program seperti Netpreneur, syarikat berasaskan komuniti, Grab Car, Bazar Wanita, BantuNita dan BazarNITA@Mara Digital sepanjang tahun.

Dari segi pendidikan, jika dilihat dari aspek kadar literasi antara wanita dan lelaki tidak banyak bezanya. Jumlah literasi dalam kalangan lelaki adalah 97.2 peratus literasi, manakala wanita pula 98.3 peratus. Kita bersyukur kerana di

Malaysia tiada perbezaan gender dari segi pendidikan, malah pada peringkat tertiar jumlah pelajar wanita, 330,210 lebih tinggi daripada lelaki 207,839.

Wanita lulusan universiti ini ramai berhenti kerja lebih awal berbanding lelaki disebabkan tuntutan keluarga, malah hasrat melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi ada kala perlu ditangguhkan. Tetapi dengan adanya pendidikan sepanjang hayat kursus pendek dan pensijilan boleh diberikan kepada wanita yang ingin terus belajar dan bekerja secara sambilan.

Dari aspek keselamatan perlu dilihat statistik wanita yang dianiaya adalah tinggi. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), melaporkan jumlah kes keganasan terhadap wanita adalah 57,519 kes dilaporkan dari 2010 hingga Mac 2017. Kes keganasan rumah tangga yang membabitkan wanita sebagai mangsa dilaporkan 40 peratus daripada jumlah kes itu.

Wanita yang teraniaya selalunya buntu dan tidak mempunyai maklumat lengkap untuk mendapat bantuan. Untuk itu, program se-

perti literasi undang undang, seminar antijenayah dan kempen EVAW dianjurkan sepanjang 2018 dengan objektif, memberi pendedahan dan juga maklumat secara terus kepada wanita.

Berkenaan kesihatan, jangka hayat wanita di Malaysia adalah 77.4 tahun, manakala lelaki, 72.7 tahun. Untuk memastikan wanita dapat meneraju keluarga dengan cemerlang, mereka perlu sihat dan ceria. Justeru, pelbagai program berkaitan kesihatan dan kempen pencegahan diadakan supaya wanita peka menjaga kesihatan diri, keluarga dan anak.

Aspek kebudayaan teknologi turut dijadikan fokus. Pelbagai program akan dianjurkan dengan kerjasama pelbagai rangkaian kerja, malah korporat mentor sebagai inisiatif dan usaha meningkatkan jumlah wanita dalam jawatan strategik dalam sektor awam serta swasta dan mengenalpasti ikon wanita terus dilaksana.

Adalah besar harapan kita supaya tahun memperkasa wanita ini akan dapat memartabatkan wanita dari pelbagai golongan ke tahap lebih tinggi dan berimpak.